

31/08/1999

Pihak peralat Islam terus ditentang

ALOR STAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, akan terus menentang golongan yang memeralatkan agama semata-mata untuk mencapai hasrat mereka berkuasa di negara ini.

Perdana Menteri berkata, beliau juga tidak akan berundur daripada tanggungjawab sebagai pemimpin yang mempertahankan Islam dan umatnya daripada golongan berselindung di sebalik agama.

"Saya tidak akan undur kerana saya berasa bertanggungjawab. Kalau saya buat benda yang salah saya akan tanggung akibatnya di dunia dan akhirat. Saya tak rela membenarkan orang yang memeralatkan agama Islam semata-mata memancing undi untuk mendapat kejayaan.

"Walaupun saya terpaksa berperang, saya akan perang kerana yang nak dipertahankan ialah agama Islam dan penganut agama Islam di Malaysia...orang Melayu," katanya dalam perjumpaan dengan imam dan pegawai masjid di Dewan Seri Negeri, di sini hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Dr Mahathir berkata, perang yang dimaksudkannya ialah perang politik melalui majlis ceramah dan bukan perang menggunakan senjata.

Terdahulu, berucap di majlis peletakan batu asas Pusat Ilmu Pulau Pisang di Tunjang, Jitra, Dr Mahathir berkata umat Islam di seluruh dunia berdosa kerana tidak mampu membantu umat Islam yang ditindas akibat ketiadaan ilmu, terutama berkaitan teknologi ciptaan senjata.

Perdana Menteri berkata, tanggungjawab mempertahankan umat Islam adalah tugas bersama, sejajar tuntutan fardu kifayah yang meletakkan pelaksanaan ibadat secara kolektif.

Sehubungan itu, katanya, ulama tidak seharusnya menyatakan bahawa Islam mementingkan ilmu berkaitan agama sahaja tetapi menafikan kepentingan ilmu lain yang turut penting bagi kesejahteraan manusia.

Pusat ilmu di kawasan seluas kira-kira 1.2 hektar berharga kira-kira RM580,000 itu turut dilengkapi dengan kemudahan komputer yang membolehkan pelajar dan penduduk kampung mempelajari teknologi maklumat (IT).

Pusat yang dibina Senator Datuk Ghazi Syiekh Ramli itu membolehkan masyarakat Bumiputera luar bandar mempelajari IT, selain pusat pengajian ilmu fardu ain dan al-Quran untuk masyarakat dewasa di sekitar Kubang Pasu.

Sementara itu, berucap merasmikan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Darulaman, di sini, Dr Mahathir berkata, pertumbuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTA) di negara ini tidak menjejaskan usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai graduan Bumiputera.

Perdana Menteri berkata, penubuhan IPTA bukan punca membantutkan pencapaian matlamat itu, sebaliknya berapa ramaikah pelajar Bumiputera yang berminat untuk belajar dan mencipta kejayaan.

Sehubungan itu, beliau menolak dakwaan kononnya terlalu banyak universiti swasta di negara ini menyebabkan lebih ramai pelajar kaum lain belajar berbanding Bumiputera.

"Soalnya bukan bilangan universiti atau bilangan Bumiputera, tetapi sama ada kita minat belajar atau tidak.

"Saya yakin anak-anak kita, orang Melayu dan Bumiputera lain mempunyai otak yang cerdas sama seperti orang lain. Yang menjadi masalah ialah perhatian yang serius kepada usaha menguasai ilmu. Kalau kita ingin belajar, maka peluang untuk kita belajar banyak.

"Tetapi kalau kita diberi peluang dan kita membazirkan peluang itu

dengan tidak belajar, sampai bilapun kita tak boleh mengejar kaum lain,"  
katanya.

(END)